

26/12/2001

Saya tidak tahu: PM (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Munaarfah Abu Bakar; Junita Mat Rasid
KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai pakatan yang didakwa untuk membunuh beliau dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, jika perkara itu dilihat sebagai serius, pihak polis akan memaklumkan kepadanya.

"Saya tidak mempunyai maklumat mengenai perkara itu. Selalunya, jika ada perkara serius, pihak polis akan memaklumkan kepada saya.

"Memang ada kumpulan aktivis yang membayangkan ia (membunuh) adalah satu amalan mereka, tetapi saya tak fikir ia serius," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Krismas anjuran Persekutuan Kristian Malaysia dan Paderi Besar Roman Katolik, Anthony Soter Fernandez, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai laporan sebuah akhbar tempatan hari ini mengenai satu pakatan untuk membunuh beliau dan Abdullah, yang didakwa akan berlaku dalam masa satu atau dua bulan ini.

Laporan akhbar itu turut menyatakan ada beberapa ahli politik tempatan berada di belakang konspirasi berkenaan, dengan mengupah seorang pembunuh upahan yang digelar 'Raja Komando'.

Mengenai dakwaan pembabitian beberapa ahli politik itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu. Saya tak syaki apa-apa. Saya tak syaki sesiapa."

Ditanya sama ada pakatan itu mempunyai kaitan dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM), beliau berkata KMM memang mempunyai rancangan untuk membunuh beberapa orang, tetapi kebanyakan ahli KMM sudahpun ditahan.

"Laporan macam ini kita tak boleh ambil kira sangat. Ya, orang KMM adalah dia punya rancangan, iaitu beberapa orang yang perlu dibunuh, tetapi kebanyakan mereka sudahpun dimasukkan ke dalam tahanan," katanya.

Beliau berkata, perkara itu tidak boleh terlalu diambil kira kerana ia hanya didedahkan oleh satu laporan akhbar.

Ditanya sama ada beliau rasa ada rakyat Malaysia yang sanggup bertindak hingga ke tahap membunuh (beliau), Dr Mahathir berharap perkara itu tidak akan berlaku kerana ia bukan satu budaya rakyat negara ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinannya kerana ada beberapa contoh ahli Parlimen yang ditembak mati.

Beliau merujuk kepada kes Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Lunas, Kedah, Dr Joe Fernandez, yang ditembak mati di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, pada 4 November 2000.

Pada masa sama, Dr Mahathir menegaskan yang pakatan membunuhnya itu tidak akan menjejaskan tugasnya sebagai Perdana Menteri.

"Ini cuma satu laporan dalam akhbar. Saya tak tahu dari mana dia dapat berita ini, tetapi kita akan ambil perhatian dan tidak akan mengabaikannya. Tapi kalau kita sampai tak boleh buat kerja, susahlah," katanya.

Mengenai usaha untuk meningkatkan keselamatan dirinya, beliau berkata: "Saya ingat (pasukan) keselamatan saya sudah cukup."

Di samping itu, beliau juga tidak menafikan beberapa ugutan yang diterima sebelum ini, termasuk memasang bom di kediamannya.

"Ugutan macam ini, kadang-kadang dia kata nak bom atau ada bom dalam rumah. Kita nak ikut sangat, payah lah," katanya.

Pada 1999, polis menemui pita yang merakam beberapa orang untuk membunuh Perdana Menteri dan beberapa pemimpin Umno. Enam orang di Kota Baru

dipanggil untuk siasatan.

Sementara itu, polis memandang serius dan akan menjalankan siasatan rapi mengenai laporan wujudnya pakatan untuk membunuh Dr Mahathir dan Abdullah seperti yang dilaporkan akhbar berkenaan hari ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari, berkata pihaknya akan menjalankan siasatan bagi memastikan kesahihan laporan berkenaan.

Katanya, setakat ini pihaknya tidak dapat memastikan kesahihan laporan itu dan meminta pihak akhbar yang membuat laporan berkenaan supaya tampil memberi kerjasama dalam penyiasatan.

"Setakat ini saya tidak dapat mengesahkan berita itu betul atau tidak... kalau akhbar itu membuat laporan seperti itu, kita memintanya bekerjasama dengan kita.

"Kita akan menyiasat laporan itu kerana ia adalah berita agak serius dan boleh menakutkan mana-mana pihak," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Jamil turut menafikan langkah keselamatan yang dipertingkatkan terhadap kedua-dua pemimpin itu adalah berpunca daripada ancaman itu.

Katanya, semua langkah keselamatan terhadap Dr Mahathir dan Abdullah adalah perkara biasa.

"Keselamatan ketua negara kita dan pihak berkenaan memang kita jaga keselamatannya... itu adalah perkara biasa," katanya.

Dalam perkembangan sama, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menyiasat secara terperinci sejauh mana kesahihan laporan akhbar itu, walaupun setakat ini pihak kementerian tidak menerima sebarang maklumat mengenainya.

"Kami tidak tahu menahu mengenai sebarang maklumat berhubung perkara itu seperti mana yang dilaporkan dalam sebuah akhbar hari ini," katanya seorang pegawai yang dihubungi, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata KDN meminta orang ramai dan pihak akhbar terbabit, tampil membantu pihak berkuasa bagi memudahkan polis menjalankan siasatan rapi berhubung kejadian itu.

(END)